

17 JUN, 2021

## MAFI ambil langkah segera atasi kenaikan harga sayur

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

# MAFI ambil langkah segera atasi kenaikan harga sayur

**BALIK PULAU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil beberapa langkah segera bagi mengatasi kenaikan hingga 40 peratus harga sayur-sayuran ketika ini, dipercaya berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Cameron Highlands, Pahang.

Timbalan Menteri II kementerian itu, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan untuk menyelesaikan perkara itu di semua peringkat rantaiannya iaitu daripada pengeluar hingga kepada pengguna.

"Kami (MAFI) sudah mendapat maklumat mengenai permasalahan itu dan sedang memperhalusinya segera supaya jalan penyelesaian dapat diambil... kita tidak menafikan di manapun pun akan ada masalah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekarang ini.

"Jadi, MAFI dan FAMA akan mengambil tindakan, malah kami juga meny-



**LAWAT:** Che Abdullah Mat Nawi (kiri) melawat Jeti Pendaratan Ikan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung, semalam. — Gambar Bernama

diakan bilik gerakan yang beroperasi penuh melibatkan beberapa pegawai bagi memastikan sebarang masalah dihadapi sepanjang rantai iaitu daripada peringkat pengeluar kepada pengguna akan diselesaikan dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita di Pasar Nelayan Teluk Kumbar, di sini se-

malam.

Terdahulu, beliau meninjau aktiviti bekalan makanan dan rantaian pemasaran ikan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung dan kawasan pendaratan ikan di Teluk Kumbar, di sini.

Che Abdullah berkata, sektor pertanian dikategorikan sebagai perkhidmatan pent-

ing dan ia perlu diteruskan seperti biasa namun prosesnya berkemungkinan berbeza kerana pelaksanaan PKP, PKPD dan sebagainya.

"Prosesnya mungkin mengambil masa kerana SOP (prosedur operasi standard) yang ketat dan kerajaan juga terpaksa mengetarkan SOP kerana tidak mahu ada pihak

lain mengambil kesempatan dengan menggunakan alasan daripada sektor pertanian tapi sebenarnya untuk tujuan lain. Situasi ini menyukarkan tetapi dari segi operasi, sektor pertanian memang dibenarkan beroperasi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah berkata, sebanyak 41,364.82 tan metrik ikan bernali RM164 juta direkodkan didaratkan di seluruh negara sejak Januari hingga Mei lepas.

Beliau berkata, bekalan ikan untuk rakyat negara ini mencukupi setakat ini walaupun PKP dilanjut hingga hujung bulan ini.

Sejak Isnin lepas, beberapa harga sayur-sayuran antaranya tomato, timun jepun, cili, kubis, kacang buncis, lada benggala dan semua jenis salad meningkat sekitar 30 hingga 40 peratus, dipercaya kerana pengeluaran terpaksa dihentikan serta-merta berikutan PKPD di Cameron Highlands.

Media melaporkan punca utamanya kerana 12,000 pekerja asing dan tempatan di kawasan tanah tinggi itu tidak dapat keluar bekerja. — Bernama

17 JUN, 2021

## MAFI ambil langkah segera atasi kenaikan harga sayur



Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

BALK PULAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil beberapa langkah segera bagi mengatasi kenaikan hingga 40 peratus harga sayur-sayuran ketika ini, dipercayai berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Cameron Highlands, Pahang. Timbalan Menteri II kementerian itu, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan untuk menyelesaikan perkara itu di semua peringkat rantaian iaitu daripada pengeluar hingga kepada pengguna.